

Headline	58 sertai kursus asas penanaman pokok karas		
MediaTitle	Utusan Borneo Sarawak		
Date	13 Apr 2014	Color	Full Color
Section	News	Circulation	45,554
Page No	13	Readership	136,662
Language	Malay	ArticleSize	73 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 571
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 1,712



58 sertai kursus asas penanaman pokok karas

MIRI: Seramai 58 peserta dari Marudi, Long Lama, Lapok, Long Laput, Miri dan Long Bemang menyertai Kursus Asas Penanaman Pokok Karas (Gaharu) di Long Bemang pada 9 dan 10 April lalu.

Pegawai kanan penyelidik dari Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Dr Lok Eng Hai berkata, kursus itu bertujuan mendedahkan penduduk tempatan mengusahakan tanah persendirian mereka dengan tanaman karas.

Katanya, kursus itu disokong sepenuhnya oleh FRIM dan wakil rakyat iaitu Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Telang Usan, Dennis Ngau.

“Produk ini sangat tinggi permintaannya kerana digunakan secara meluas dalam bidang kosmetik, minyak wangi, perubatan dan colok.

“Justeru, kita amat menggalakkan penduduk kampung untuk menanam pokok karas dan merebut peluang ini,” katanya di sini semalam.

Dr Lok menambah, setakat ini di Long Bemang penanaman pokok karas dilaksanakan oleh Teinese Malai di atas tanah seluas satu hektar.